

Bersih 4.0 tidak beri makna kepada kaum Cina - Lim Swee Tin


KUALA LUMPUR 15 Sept. - Perhimpunan Bersih 4.0 tidak memberi sebarang makna kepada masyarakat Cina kerana realiti kepimpinan negara adalah jauh berbeza dengan gambaran yang cuba ditonjolkan oleh pengajur perhimpunan haram itu.

Pensyarah Kesusasteraan Melayu di Universiti Putra Malaysia (UPM), **Prof. Madya Dr. Lim Swee Tin** berkata, hakikatnya masyarakat Cina sentiasa memikirkan keharmonian negara kerana ia adalahjaminan untuk anak cucu mereka belajar selain membolehkan mereka menjalani kehidupan dengan baik.

Katanya, kebanyakan orang Cina

yang menyertai perhimpunan haram di Dataran Merdeka itu adalah generasi muda yang tidak memahami sejarah negara dan terpengaruh dengan golongan penentang di luar negara.

"Inilah akibatnya apabila kita tidak memahami sejarah negara sedangkan suasana Malaysia adalah jauh berbeza dengan negara-negara lain, misalnya penduduk di Hong Kong menentang kerajaan mereka sebab mahu



LIM SWEE TIN

bebas daripada China.

"Sebagai orang Cina, saya tahu kebanyakannya orang Cina yang menyertai Bersih 4.0 lalu itu bukan ingin menentang Barisan Nasional (BN), Melayu dan Islam sebaliknya mereka meluahkan rasa hati supaya negara ini lebih kondusif," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di

sini hari ini.

Beliau yang juga aktivis bahasa mengulas wawancara Penggerusi Biro Keharmonian dan Agama MCA,

Datuk Seri Ti Lian Ker dalam *Mingguan Malaysia* hari ini yang menyifatkan DAP sebagai sebuah parti yang tidak mewakili masyarakat Cina tetapi mengeksplorasi sensitiviti dan sentimen masyarakat Cina, berbeza dengan MCA.

Jelas Swee Tin, beliau juga yakin tidak semua masyarakat Cina di negara ini menyokong dan menjadi ahli DAP, buktinya apabila sokongan tidak berbelah bagi diberikan terhadap bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berbanding penerimaan kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim pada tahun 1999.

Katanya, beliau yakin sokongan

masyarakat Cina akan kembali pada BN jika MCA lebih mendekati penduduk setempat dan menjelaskan dasar-dasar kerajaan, bukan atas dasar aktiviti politik semata-mata.

Sementara itu, Felo Utama Institut Kajian Etnik (Kita) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), **Prof. Datuk Dr. Teo Kok Seong** berkata, beliau yakin Penggerusi Bersih 4.0, Maria Chin Abdullah tidak gembira dengan hasil perhimpunan haram pada 29 dan 30 Ogos lalu itu.

Jelas Ketua Kluster Sejarah, Warisan dan Sosio Budaya Majlis Profesor Negara (MPN), perkara itu jelas apabila perhimpunan tersebut

hanya berjaya menghimpunkan masyarakat Cina sekali gus mengukuhkan semangat dan solidariti orang Melayu.

"Di sini, saya juga ingin membentulkan tanggapan beberapa pihak yang mengatakan semua orang Cina sokong DAP dan Bersih 4.0 lalu, sedangkan hanya segelintir yang memang jenis mahu suara mereka didengari dengan cara memberontak.

"Golongan Cina itu merasakan mereka didiskriminasikan sedangkan itu hanya spekulasi dan tidak salah untuk kerajaan melihat semula apa yang mereka luahkan itu sama ada berasas atau tidak," katanya.